

# CUEPACS syor perluas bantuan tunai RM300

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disyor memperluaskan pemberian bantuan tunai RM300 berbentuk sekali bayaran kepada lebih ramai petugas barisan hadapan, selain daripada Kementerian Kesihatan (KKM).

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata ia termasuk anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM); Angkatan Tentera Malaysia (ATM); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Begitu juga dengan agensi lain yang turut ditakrifkan sebagai petugas hadapan.

“Mereka wajar menerima bantuan sekali bayaran ini.

“Bagi petugas barisan hadapan yang bukan daripada KKM, CUEPACS mencadangkan kategori ini diberikan bantuan sekali bayaran sebanyak RM300,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2020 Jumaat lalu, kerajaan mengumumkan pemberian bantuan sekali bayaran sebanyak RM500 kepada kira-kira 100,000 petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan.

Mengulas mengenai pemberian itu, Adnan berkata, ia adalah satu penghargaan kepada pengorbanan petugas kementerian berkenaan yang terbabit secara langsung di barisan hadapan.

Adnan berkata, bantuan itu juga perlu diperluaskan kepada lebih ramai petugas kesihatan kerana jumlah 100,000 itu tidak meliputi semua golongan barisan hadapan di kementerian berkenaan.

“Lebih tujuh bulan semua petugas barisan hadapan ini berjuang menangani COVID-19 sehingga ramai dalam kalangan mereka sendiri dijangkiti virus berkenaan.

“Sebaik sembuh daripada COVID-19, mereka ditugaskan semula sebagai petugas barisan hadapan. Apatah lagi ketika ini peningkatan kes COVID-19 yang begitu mendadak.

“Justeru, kerajaan wajar memberi pertimbangan atas penat lelah dan pengorbanan semua petugas barisan hadapan ini,” katanya.

Sementara itu, Adnan berkata, pihaknya juga memohon Kement



CUEPACS syor pemberian bantuan tunai berbentuk sekali bayar kepada lebih ramai petugas barisan hadapan, selain KKM. (Foto hiasan)

terian Kesihatan memastikan bekalan kelengkapan perlindungan diri (PPE) dan cecair pembasmi kuman mencukupi untuk dihantar ke semua kemudahan kesihatan.

Katanya, CUEPACS menerima aduan daripada petugas barisan hadapan yang bekalan diberikan tidak mencukupi hingga memaksa mereka menggunakan inisiatif sendiri untuk memperolehnya.

“Jika petugas barisan hadapan ini tidak dibekalkan dengan peralatan keselamatan yang mencukupi, ia boleh mendedahkan risiko jangkitan kepada mereka,” katanya.